



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PENYERTAAN SUKARELAWAN MUDA DAN BELIA PERKUKUH PERANAN SKUAD WAJA

BANGI, 26 NOVEMBER : Seramai 300 ahli Skuad Waja Gen Z dikalangan remaja dan belia yang berusia antara 18 hingga 30 tahun menerima pentauliahan sempena Majlis Konvensyen Skuad Waja Kebangsaan, yang dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Bangi Avenue Convention Centre.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menubuhkan Skuad Waja iaitu skuad sukarelawan yang berperanan sebagai ejen serta mata dan telinga kerajaan dalam komuniti bagi membantu meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai jenayah.

Penganjuran Konvensyen Skuad Waja Kebangsaan Tahun 2024 yang julung kali diadakan ini merupakan platform Kerajaan untuk memberikan pengiktirafan kepada Skuad Waja yang telah menyumbang kepada kesejahteraan, keharmonian dan pembangunan negara. Menerusi konvensyen ini, ahli-ahli Skuad Waja yang terpilih akan dikurniakan Anugerah Skuad Waja Bestari.

Penilaian bagi anugerah tersebut dibuat berdasarkan penilaian terhadap Program Sumbang Bakti Skuad Waja yang dilaksanakan oleh mereka pada tahun ini. Sebanyak 26 Program telah berjaya dilaksanakan melibatkan seramai 2,227 orang peserta dalam komuniti seluruh Malaysia dinilai dengan impak program kepada komuniti, kesinambungan, kebolehcapaian, kolaborasi strategik serta aspek kreativiti dan keaslian program. Jawatankuasa panel penilai adalah terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta yang bertujuan untuk mendapatkan penilaian secara lebih menyeluruh.

Pada tahun ini peranan Skuad Waja juga telah diperluas bagi membantu dan menyantuni golongan remaja dikenali sebagai Skuad Waja Gen Z yang dilaksanakan melalui kerjasama strategik JPW bersama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN). Menerusi kerjasama ini seramai 300 orang ahli Skuad Waja Gen Z telah dilatih menggunakan Modul Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial atau ringkasnya, PEKERTI. Menerusi Konvensyen ini pengiktirafan terhadap mereka juga diberikan melalui Majlis Pentauliahahan kepada ahli yang telah berjaya mengikuti dan menamatkan program latihan.

Penubuhan Program Sukarelawan Skuad Waja ialah inisiatif KPWK M melalui JPW yang bertujuan untuk memperkasakan komuniti melalui program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti. Program Skuad Waja merangkumi aspek kesejahteraan, kepimpinan, keselamatan dan ekonomi bagi meningkatkan kesedaran terhadap isu jenayah yang sering berlaku terhadap wanita.

Skuad Waja juga berperanan menyediakan bantuan awal kepada mangsa yang berhadapan dengan situasi keganasan atau penindasan. Ianya ditubuhkan bertujuan untuk memperkasa komuniti melalui bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti bagi meningkatkan kesedaran tentang isu-isu jenayah. Program ini juga merupakan tempat rujukan masyarakat terutama dalam menangani keganasan terhadap wanita di mana mereka akan membantu mangsa untuk merujuk kes kepada pihak yang berwajib dan mendapatkan pertolongan secara profesional

Sejak penubuhan Skuad Waja pada tahun 2021 hingga bulan Oktober tahun ini jumlah keseluruhan ahli Skuad Waja adalah seramai 337,958 orang dengan seramai 77.5 peratus atau 262,048 adalah wanita dan 75,910 ahli skuad lelaki atau 22.5 peratus.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
26 NOVEMBER 2024**